

Permohonan Najib dapatkan dokumen didengar 20 Mei

Oleh SUWARNI MOKHTAR
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Permohonan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk mendapatkan 19 dokumen bank beberapa buah syarikat yang dikatakan mempunyai kaitan dengan ahli perniagaan dalam buruan, Jho Low dan keluarga bekas Gabenor Bank Negara, Tan Sri Zeti Akhtar didengar pada 20 Mei ini.

Permohonan itu didengar di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi, Collin Lawrence Sequerah yang turut mendengar perbicaraan kes Ahli Parlimen itu yang menhadapi pelbagai pertuduhan membabitkan penyelewengan dana syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) hampir RM2.3 bilion.

Timbalan Pendakwa Raya, Mohamad Mustaffa P. Kunyalam ketika dihubungi *Utusan Malaysia* berkata, mahkamah turut mengarahkan pihak-pihak untuk memfailkan dokumen-dokumen berkaitan dengan permohonan.

"Mahkamah mengarahkan pendakwaan untuk menjawab afidavit Najib selewat-lewatnya pada 26 April ini manakala pihak pembelaan perlu men-

jawab afidavit balasan itu pada 7 Mei ini. Pihak-pihak kemudian diarahkan untuk memfailkan hujahan bertulis masing-masing pada 17 Mei ini," katanya ketika dihubungi melalui Whatsapp.

Tambahnya, hadir mewakili Najib pada prosiding hari ini ialah peguam-peguam bela, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah dan Tania Scivetti.

Pada 24 Mac lalu, Najib memfailkan notis usul untuk mendapatkan dokumen perbankan beberapa buah syarikat antaranya Aktis Capital Singapore Private Limited, Country Group Securities Public Company Limited, ACME Time Limited (BVI), Butamba Investment Limited, Central Holding Limited dan Iron Rhapsody Limited.

Suami Zeti, Datuk Dr. Tawfiq Ayman merupakan pemilik benifisial Iron Rhapsody dan kini sedang disiasat mengikut Seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AM-LATFPUAA) 2001.

Sebuah portal berita dalam laporannya bertarikh 3 Mac lalu menyatakan Iron Rhapsody telah me-

nerima kira-kira AS\$16.22 juta (kira-kira RM65.71 juta) daripada syarikat kendalian Jho Low dalam lima transaksi.

Selain permohonan mendapatkan dokumen-dokumen tersebut, Ahli Parlimen Pekan itu juga memohon untuk memanggil beberapa individu termasuk dua pegawai polis sebagai saksi dalam perbicaraan kes penyelewengan dana 1MDB berjumlah RM2.3 bilion yang dihadapi Najib.

Individu terbabit ialah Senior Asisten Komisioner (SAC) R. Rajagopal, Pengerah Bahagian Pencegahan Wang Haram SPRM, Timbalan Pesuruhjaya Mohammad Zamri Zainul Abidin dan Pengerah Jabatan Perisikan dan Penguatkuasaan Kewangan BNM, Mohd. Fuad Arshad.

Menurut Najib dalam afidavit sokongannya, ketiga-tiga individu ini tidak disenaraikan sebagai saksi dalam perbicaraan kes membabitkan penyelewengan dana 1MDB itu.

Bekas Perdana Menteri itu mendakwa, dokumen-dokumen yang dimohon dan individu yang ingin dipanggil sebagai saksi adalah penting untuk pembelaannya dalam kes tersebut.